

**Najib Hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Umno Cheras
Bernama
4 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran Umno Bahagian Cheras di Dataran Peel di sini Rabu malam.

Perdana Menteri tiba kira-kira 8.45 malam dan disambut Ketua Umno bahagian itu Datuk Syed Ali Al-Habshee.

Majlis yang menjadi acara tahunan Umno bahagian itu turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abd Rahman.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Lebih 10,000 pengunjung pelbagai kaum yang hadir dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan tradisi etnik utama negara ini dan juga makanan Arab.

Najib meninggalkan majlis selepas setengah jam, diikuti Muhyiddin dan Dr Mahathir.

Antara kenamaan lain yang hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hasan Malek dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Tajuddin Abdul Rahman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975247>